

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, berdaftar dengan **Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 153/2019	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Kajang, Zon Bangi (1 Tahun + 1 Tahun)	SSM, Kementerian Kewangan Malaysia, UPEN, Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PPKKM)	220801	50.00	16 Oktober 2019 Hingga 30 Oktober 2019
MPKj S 154/2019	Pembelian Ink, Catridge, Toner Dan Alat Tulis Komputer Bil.1/2019	SSM, Kementerian Kewangan Malaysia & UPEN	210101		

SYARAT KHAS

Untuk MPKj S 153/2019

- i) Memiliki lesen senjata api dan peluru dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masih dalam tempoh sah laku
 - *Lampirkan bersama salinan sijil*
- ii) Berdaftar sebagai Ahli Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PPKKM) dan masih dalam tempoh sah laku
 - *Lampirkan bersama salinan sijil*
- iii) Memiliki lesen dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menjalankan urusan Agensi Persendirian
 - *Lampirkan bersama salinan sijil*

- iv) Anggota pengawal keselamatan perlu mengikuti program Latihan Certified Security Guard (CSG) kelolaan bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)
- *Keutamaan akan diberi kepada Petender yang memiliki sijil individu tersebut*

DOKUMEN TAWARAN

Dokumen Tawaran boleh disemak pada waktu pejabat di Kaunter Bahagian Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Bekalan dan Perolehan di talian **03-87368017** sambungan **7022, 7011, 7200, 7023 dan 7014**.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara On-line di lawan sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Pembelian Dokumen Tawaran secara On-line diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **16HB. OKTOBER 2019 HINGGA 30HB OKTOBER 2019**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di** Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 30HB. OKTOBER 2019 (RABU) JAM 12.00 TENGAHARI.**